



DAING NASIR IBRAHIM (tengah) bersama peserta Konvoi Jelajah Kembara Waqaf Merdeka mengibarkan Jalur Gemilang pada majlis perasmian Hari Kebangsaan peringkat UMP di Dewan Bankuet Canselori Tun Abdul Razak, UMP Pekan Pahang, baru-baru ini.



MOHD. HASSAN MOHD. NOOR (tengah) bersama peserta konvoi bermotosikal Jelajah Kembara Waqaf Merdeka UMP ketika singgah di Ibu Pejabat Utusan Melayu (M) Berhad di Kuala Lumpur.

Jelajah Kembara Waqaf Merdeka UMP

Oleh **MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK**
kampus@utusan.com.my



Terengganu, Kelantan, Perak, Pulau Pinang, Kedah, Perlis, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, Johor dan Wilayah Persekutuan.

Siri jelajah selama 60 jam itu juga simbolik kepada 60 tahun kemerdekaan yang dikecapi Malaysia.

Majlis pelepasan konvoi disempurnakan oleh Naib Canselori UMP, **Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim** pada majlis

perasmian Hari Kebangsaan 2017 peringkat UMP yang diadakan di Dewan Bankuet Canselori Tun Abdul Razak, UMP Pekan Pahang, baru-baru ini.

Sementara itu, Daing Nasir berkata, UMP turut sama memeriahkan sambutan yang istimewa ini sebagai manifestasi patriotisme terhadap tanah air.

Katanya, penglibatan ini dilihat sebagai tanggungjawab setiap warga Malaysia dalam menyemarakkan sambutan Hari Kebangsaan pada tahun ini.

“Pelbagai acara telah diatur. UMP antaranya mengedarkan Jalur Gemilang kepada setiap jabatan di UMP bagi meningkatkan semangat

patriotisme dalam kalangan warga universiti,” katanya.

Dalam pada itu, Ketua Program, **Nor Azazi Mamat** dari Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP berkata, peluang berkonvoi itu membolehkan mereka menyampaikan mesej dan mempromosi program derma wakaf UMP, MyGift pastinya menjadi satu pengalaman yang berharga.

“Kesemua peserta yang terdiri daripada kakitangan UMP dan peserta yang berpengalaman dalam pemanduan jarak jauh ini sentiasa bersemangat dengan



DAING NASIR IBRAHIM melepaskan peserta konvoi bermotosikal Jelajah Kembara Waqaf Merdeka UMP.

olahraga Malaysia, Nazmizan Muhammad.

Jelajah meneruskan perjalanan ke Ibu Pejabat Utusan Melayu

(M) Berhad di Kuala Lumpur dan disambut oleh Penolong Ketua Pengarah, Kumpulan Utusan, Datuk Hassan Mohd. Noor.

Konvoi bermotosikal kemudian meneruskan perjalanan ke Universiti Teknikal Malaysia Melaka (Utem) dan disambut oleh Pengarah Pusat Utem, Dr. Rosli Saadan.

Peserta konvoi kemudian menuju ke Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dan diraikan oleh Pengurus Pusat Sukan UTHM, Azli Puddin.

Jelajah kemudian bergerak dari UTHM menuju ke Teluk Cempedak Kuantan, Pahang yang merupakan lokasi terakhir peserta dalam mengakhiri Jelajah Kembara Waqaf Merdeka UMP.

Para peserta telah disambut dan diraikan oleh, Pengarah Pusat Sukan dan Kebudayaan UMP, Abd. Rahman Safie.

mengibarkan Jalur Gemilang sepanjang perjalanan.

“Ini adalah simbolik dalam menunjukkan rasa sayang kepada negara serta semangat patriotisme kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira latar belakang bangsa, agama dan peringkat umur,” katanya.

Lokasi pertama, jelajah kembara telah melawat Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Astana Kuantan, Pahang yang disambut oleh Guru Penolong Kanan Satu, Mohd. Nasir Abd Rahman dan pelajar-pelajar sekolah tersebut.

Konvoi kemudian meneruskan perjalanan menuju ke pantai timur dan terus ke utara melawat Universiti Malaysia Perlis (Unimap) dan disambut oleh Pengarah Pusat Sukan, Suhizaz Sudin dan bekas atlet



NOR AZAZI MAMAT



PESERTA konvoi bermotosikal Jelajah Kembara Waqaf Merdeka UMP bergambar bersama guru dan pelajar SMK Astana Kuantan, Pahang.